

Waspada ketika melalui jalan yang dinaik taraf

VALENTINE NGUMBANG

SRI AMAN, Jumaat — Kerajaan sememangnya prihatin terhadap kebajikan pengguna jalan raya di sekitar daerah Sri Aman apabila mereka kini sedang giat melaksanakan kerja menaik taraf jalan bermula dari kawasan Abok hingga ke persimpangan Temudok Sri Aman semenjak beberapa bulan lalu.

Kerja naik taraf jalan yang kini dilaksanakan oleh kerajaan menerusi syarikat Cahya Mata Sarawak (CMS) ternyata mendapat reaksi positif daripada para pengguna kenderaan dari sekitar daerah Sri Aman.

Ketika tinjauan Utusan Sarawak hari ini seorang pengguna iaitu Ibit Seng, 27, yang kini berkhidmat sebagai Pembantu Kesihatan di Miri menjelaskan bahawa jalan di kawasan Sri Aman kini jauh lebih baik berbanding dahulu.

"Ketika memandu kereta pulang ke Melugu baru-baru ini saya mendapati kualiti jalan ketika ini jauh lebih elok berbanding sebelumnya.

"Saya menyambut baik usaha



DALAM PROSES... Beberapa buah kenderaan kelihatan sedang melalui jalan raya yang sedang dinaik taraf di kawasan persimpangan Temudok, Jalan Sri Aman/Serian semalam.

kerajaan kita lebih-lebih kepada syarikat CMS yang telah melaksanakan kerja menaik taraf jalan di kawasan daerah Sri Aman demi kesenangan hidup rakyat," katanya.

Seorang lagi pengguna iaitu

Ellison Linggoh, 47, kini melahirkan rasa puas hati terhadap keadaan jalan raya baru yang telah dinaik taraf bermula dari kawasan simpang Temudok sehingga ke Pantu.

Kerja naik taraf jalan raya

terbabit membolehkan beliau bersama keluarga memandu pulang ke Kuching dengan selesa tanpa rasa bimbang terhadap keadaan jalan raya tersebut yang sebelum ini berlubang dan melengkuk.

"Terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana prihatin terhadap keperluan pengguna jalan raya di sekitar daerah Sri Aman ini menerusi usaha mereka menyelenggara jalan semenjak beberapa bulan lalu.

Faedah seumpama ini bagi saya bukan sahaja dinikmati oleh pengguna dari sekitar daerah Sri Aman malah kepada mana-mana pengguna yang melalui kawasan Sri Aman untuk menuju ke destinasi tertentu, katanya.

Seorang pengguna yang hanya dikenali sebagai Zaimie pula menasihatkan pengguna agar tidak merungut sekiranya melalui jalan yang sedang dibaik pulih kerana ini merupakan masalah sementara.

Apabila jalan tersebut sudah siap kelak, para pengguna sudah pasti akan bersyukur menikmati keprihatinan kerajaan.

Sekarang kita hendaklah bersabar sehingga kerja-kerja ini selesai, di samping terus menyokong kerajaan BN untuk melaksanakan pelan pembangunan di daerah ini, katanya.